

## **Sekolah Ditutup: Premis Makanan Asrama Hilang Punca Pendapatan**

Oleh : Wan Qistina Shuhaira Wan Bukhari

BENTONG : Susulan pengumuman sekolah ditutup November lalu oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengakibatkan pengusaha premis makanan asrama hilang mata pencarian.

Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (SUPERB) Nur Azlan Mohamad berkata, pihak sekolah terpaksa memberhentikan premis makanan asrama atas faktor penutupan sekolah.

“Pihak sekolah terus memaklumkan kepada premis makanan asrama agar menyiapkan makanan kepada 760 orang pelajar seperti biasa pada hari yang dibenarkan mereka pulang ke rumah dan menyuruh mereka bersiap sedia membersihkan kawasan dewan makan serta mengemas peralatan masakan,”katanya.



**DEWAN MAKAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA PERSEKUTUAN BENTONG**

Akibat pengumuman itu, premis makanan asrama terpaksa menanggung kerugian disebabkan penempahan makanan yang telahpun dibuat untuk pelajar asrama bagi bulan itu dan antara jenis kerugian ialah makanan basah seperti ayam, daging serta makanan kering lain iaitu beras, susu dan makanan lain.

Lebih menyedihkan dan membimbangkan ke mana langkah mereka selepas ini, mereka hilang sumber pendapatan yang diperoleh sebelum ini.

Seramai 18 pekerja dibawah premis makanan hilang pekerjaan dan tidak memperoleh gaji dan mereka terpaksa mencari pekerjaan baharu yang boleh menjana pendapatan mereka.

Nur Azlan berkata, inisiatif pihak sekolah hanya boleh memastikan penjelasan yuran makanan secukupnya kepada premis makanan asrama yang telah dibayar oleh pelajar.

“Penjelasan yuran tersebut mampu membantu premis makanan untuk membayar gaji kepada pekerja untuk bulan yang terakhir bekerja.

“Mereka terpaksa menerima dan terkesan dengan kerugian yang mereka alami sendiri dan pihak sekolah tidak mampu untuk membantu mereka”.

“Untuk itu kami amat berharap agar pihak kerajaan supaya mengambil kira bantuan kepada mereka ini dan memanjangkan tempoh kontrak mereka dari setahun atau lebih lagi supaya kerja mereka lebih terjamin,”katanya.